

Kuala Krai dinaiki air akibat hujan sepanjang hari

Kota Bharu: Hujan berterusan sepanjang hari semalam, menyebabkan beberapa kawasan rendah sekitar daerah Kuala Krai dinaiki air sehingga paras lutut.

Antara kawasan dinaiki air mulai jam 3 petang semalam termasuk Kampung Bedal, Chenulang, Pasir Jering, Dusun Ban, Batu Pagar, Dusun Bunut dan Kebun Pisang.

Bagaimanapun, setakat ini tiada pemindahan penduduk kampung kerana punca kawasan terbabit dinaiki air disebabkan limpahan parit utama dan kawasan rendah.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Krai, Mohamad Hanif Che Khalid, berkata paras sungai masih pada peringkat normal, tetapi pihaknya sentiasa berjaga-jaga memandangkan hujan lebat dilaporkan berterusan sehingga hari ini.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Shahimi Sharif, berkata negeri ini bakal berdepan banjir sekiranya hujan lebat melebihi 60 milimeter (mm) secara berterusan selama tiga hari.

Katanya, data direkodkan JPS mulai kelmarin mendapati hujan lebat dialami beberapa kawasan seperti Bachok, Pasir Puteh, Tumpat, Pasir Mas dan Kota Bharu, di antara 20mm hingga 61mm.

Hujan lebat peringkat kuning

“Di kawasan hulu seperti Gua Musang, Jeli, Dabong dan Kuala Krai mulai kelihatan petunjuk akan mengalami hujan lebat, se-



Hujan berterusan menyebabkan **beberapa kampung di daerah Kuala Krai dilanda banjir.**

[FOTO ROHAIDA OMAR/BH]

suai amaran Jabatan Meteorologi yang mengeluarkan kenyataan hujan lebat peringkat kuning bermula 26 hingga 28 November ini di seluruh negeri.

“Sehingga kini data bacaan hujan masih dikategorikan sederhana lebat iaitu 11 hingga 30 mm dan 20 mm hingga 60 mm terutama di kawasan pantai seperti Tumpat, Bachok dan Kota Bharu,” katanya.

Shahimi mengingatkan penduduk yang tinggal di kawasan rendah dan berhampiran tebing sungai di seluruh negeri, supaya sentiasa berwaspada selain mengikut perkembangan terkini mengenai banjir.

Sementara itu, di Terengganu, pasukan kesihatan terdiri daripada doktor, pembantu perubatan dan jururawat akan ditempatkan pada 162 pangkalan ha-

dapan sebagai persediaan menghadapi kemungkinan banjir di negeri ini.

521 pusat pemindahan

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof, berkata 521 pusat pemindahan banjir yang mampu menampung kira-kira 122,000 mangsa disediakan kera-



“Penduduk yang tinggal di kawasan rendah dan berhampiran tebing sungai di seluruh negeri **diingatkan supaya sentiasa berwaspada selain mengikut perkembangan terkini mengenai banjir**”

Shahimi Sharif,
Pengarah JPS Kelantan

jaan negeri tahun ini, memba-bitkan peruntukkan kira-kira RM2.5 juta bagi penyediaan bekalan makanan dan keperluan asas mangsa banjir.

Beliau berkata, kerajaan negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah menghantar semua bekalan makanan dan keperluan asas yang cukup untuk tempoh seminggu ke 162 pangkalan hadapan seluruh negeri akhir bulan lalu.